

Taman jajaran sungai

■ DBKL wujud taman bersambung dari Taman Sungai Bunus sekali gus luaskan laluan berbasikal

Oleh Siti Fatimah Hassan
sfhassan@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang meneliti untuk mewujudkan taman jajaran pinggir sungai yang bersambung bermula dari Taman Sungai Bunus, Setapak, di sini, sekali gus dapat meluaskan lagi laluan berbasikal bagi kemudahan orang ramai.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, konsep itu akan diteliti dengan menjadikan Singapura sebagai contoh apabila mempunyai 28 taman yang bersambung untuk aktiviti riadah kepada orang ramai.

Katanya, ia adalah usaha yang dilakukan untuk menjadikan kawasan pinggir sungai sebagai kawasan menarik menerusi Projek River of Life (RoL) yang dimulakan sejak 2011.

"Kita perlu jadikan kawasan pinggir sungai ini sebagai tempat

menarik. Di bawah Program RoL, kita akan meneliti sama ada kawasan Sungai Bunus ini boleh disambung secara konsep taman jajaran pinggir sungai.

"Ia sudah dilakukan di Singapura di mana mereka mempunyai sebanyak 28 taman yang bersambung. Dalam hal ini, kita juga akan

meneliti untuk mempertingkatkan laluan basikal untuk digunakan orang ramai di kawasan redup dengan keadaan sungai yang lebih indah.

"Selain itu, saya berpendapat kawasan pinggir sungai ini juga boleh dimanfaatkan penduduk setempat untuk menanam tanaman sementara seperti cili dan kucai tetapi tidak boleh membuat bangunan tetap kerana kawasan rizab sungai tidak boleh didirikan bangunan kekal," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Bandar Raya Bersih dan Indah Local Agenda 21 (LA21) KL 'Program Sungai Untuk Kehidupan Anda (SUKA) Sungai Bunus', di sini, semalam.

tempat untuk menanam tanaman sementara seperti cili dan kucai tetapi tidak boleh membuat bangunan tetap kerana kawasan rizab sungai tidak boleh didirikan bangunan kekal," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Bandar Raya Bersih dan Indah Local Agenda 21 (LA21) KL 'Program Sungai Untuk Kehidupan Anda (SUKA) Sungai Bunus', di sini, semalam.

“Ia sudah dilakukan di Singapura di mana mereka mempunyai sebanyak 28 taman yang bersambung”

Ahmad Phesal Talib

FOTO: SALHANI IBRAHIM

AHMAD Phesal menanam pokok di Program SUKA Sungai Bunus sempena Hari Bumi Sedunia di Setapak.

